

SHARIAH COOPERATIVE CONCEPT: A LITERATURE REVIEW

KONSEP KOPERASI PATUH SYARIAH: SATU TINJAUAN LITERATUR

Asma Sorfina Surkeryⁱ & Salmy Edawati Yaacobⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author) Calon Sarjana, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. asmasorfina@gmail.com

ⁱⁱ Profesor Madya, Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. salmy1001@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>In today's modernization era, Muslims are increasingly keen to participate in Islamic economics and finance. This led to the growth of various Islamic financial institutions such as the banking and takaful industry. This development also took place in cooperative institutions. The cooperative body which has been established in Malaysia since the 70's has indeed undergone various changes until the establishment of the Malaysian Cooperative Commission (SKM). The SKM has strived to strengthen sharia principles in the co-operative by issuing the Syariah Governance Guidelines (GP28) which enforced sharia governance in the cooperative sector. However, the question arises as to how GP28 is to conform to the concept of cooperatives that comply with the principles of sharia. This article will cover studies on co-operative governance as well as the guidelines set out in GP28. This study is qualitative by taking the approach of analyzing the data and making a bibliography study. The outcome of the study found that GP28 required some improvements as there were some things to be added to make a sharia-compliant cooperative. The study also found that the governance that is being carried out in the current cooperative body does not conflict with the syariah principles outlined in GP28. This study is important to create awareness among members and cooperative staff to understand the principles of sharia in the cooperative.</i></p> <p>Keywords: <i>Concept, Shariah, Cooperative, Guidelines, Governance.</i></p>
Abstrak	<p><i>Pada era modenisasi kini, umat Islam semakin berminat untuk berkecimpung dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam. Ini sekaligus menyebabkan pertumbuhan pelbagai institusi kewangan Islam seperti industri perbankan dan takaful. Perkembangan ini juga turut berlaku dalam institusi koperasi. Badan koperasi yang telah bertapak di Malaysia sejak era 70 an sememangnya telah mengalami pelbagai perubahan sehingga tertubuhnya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Pihak SKM telah berusaha mengukuhkan prinsip syariah dalam koperasi dengan mengeluarkan Garis Panduan Tadbr Urus Syariah (GP28) yang menguatkuasa tadbir urus syariah dalam sektor koperasi. Namun, timbul persoalan sejauh manakah GP28 ini menepati konsep koperasi yang mematuhi prinsip-prinsip syariah. Artikel ini akan meliputi kajian berkaitan tadbir urus koperasi serta garis panduan yang telah ditetapkan dalam GP28. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan mengambil pendekatan menganalisis data dan membuat kajian kepustakaan. Hasil daripada kajian mendapati bahawasanya GP28 memerlukan kepada beberapa penambahbaikan kerana terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah untuk menambahbaik lagi koperasi</i></p>

yang sedia ada menjadi institusi koperasi patuh syariah. Kajian juga mendapati tadbir urus yang dijalankan di badan koperasi pada masa kini tidak bertentangan dengan prinsip syariah yang digariskan di dalam GP28. Kajian ini penting bagi memberi kesedaran kepada ahli dan juga staf koperasi untuk memahami prinsip-prinsip syariah dalam koperasi.

Kata kunci: Konsep, Syariah, Koperasi, Garis Panduan, Tadbr Urus.

PENDAHULUAN

Skim pinjaman berteraskan faedah atau riba masih diamalkan di kebanyakan koperasi di Malaysia walaupun sistem kewangan Islam semakin berkembang di Malaysia. Melalui data Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menunjukkan sejumlah 13,247 buah koperasi berdaftar seluruh Malaysia dan hanya 98 buah sahaja yang mendapat lesen patuh Syariah (Mingguan Malaysia, 2016). Ini membuktikan bahawasanya implementasi dan pemahaman konsep koperasi patuh syariah masih kurang dalam sektor koperasi jika dibandingkan dengan sektor perbankan. Ini amat menyedihkan kerana sektor koperasi rata-rata diterajui oleh golongan bumiputera yang beragama Islam. Menyedari masalah ini, SKM telah berusaha memperbaiki situasi dengan mengeluarkan Garis Panduan 28 (GP28) yang menguatkuasa tadbir urus syariah dalam sektor koperasi.

Namun begitu, penggunaan GP28 ini masih tidak dapat diusahakan secara meluas oleh badan koperasi di Malaysia. SKM yang mempunyai masalah kekurangan staf juga tidak berupaya mengendalikan latihan dan program khusus bagi memperkasakan lagi keperluan GP28). Jaringan kerjasama antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) yang termenterai pada 24 September pada tahun 2016 menampakkan keperluan kepakaran Syariah dalam merealisasikan GP28 (Mingguan Malaysia, 2016). Justeru itu, artikel ini akan memfokuskan membincangkan kepada kekeliruan dalam memahami konsep koperasi patuh syariah yang berlaku dalam sektor koperasi. Selain itu, beberapa cadangan penambahbaikan juga akan diberikan dalam memahami konsep koperasi yang patuh syariah.

KONSEP KOPERASI

Konsep koperasi ialah sebuah organisasi yang memerlukan usaha secara sukarela oleh setiap individu dalam sesebuah kumpulan untuk mencapai sebuah matlamat (Virendra Kumar, K. G. Wankhede & H. C. Gena, 2015). Konsep koperasi juga berbeza daripada institusi kewangan yang lain. Koperasi lebih menumpukan kepada keuntungan bersama sesama anggota berbanding keuntungan individu (Nurdina Abd Rahman & Zamzuri Zakaria, 2018). Perkembangan ekonomi sesebuah negara juga dipengaruhi oleh koperasi kerana asal usul badan koperasi yang telah dilakukan oleh masyarakat sejak lama dahulu bertujuan untuk mengelakkan wujudnya jurang pendapatan yang tinggi dalam masyarakat serta meningkatkan kualiti hidup mereka. Penubuhan koperasi juga merupakan pelengkap kepada perkhidmatan yang tidak dapat disediakan kepada golongan tertentu kerana kekurangan dana atau batasan kedudukan geografi (Ramlan Kamsin, 2008).

Sesebuah koperasi diasaskan oleh suatu kumpulan manusia yang dipanggil sebagai 'anggota'. Mereka bertanggungjawab untuk menyumbang modal, tenaga, masa dan dikira bagi mentadbir koperasi masing-masing. Melalui sumbangan ini, koperasi dapat menjana ekonomi dalam menghasilkan produk yang bermanfaat kepada anggota. Perbezaan koperasi dan institusi swasta yang lain ialah daripada segi objektif atau tujuan penubuhan. Syarikat swasta ditubuhkan bagi meraih keuntungan manakala koperasi bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan dalam bidang ekonomi dan sosial bagi para anggotanya (Idris Ismail & Mohd Safaai Said, 2012)

Menurut pendapat mereka juga, ciri-ciri yang menjadi signifikan dalam gerakan koperasi ialah:

- i. Berdasarkan kepada Peraturan Pelopor Rochdale: Istilah 'prinsip koperasi' telah ditakrif oleh ICA berdasarkan kepada peraturan-peraturan pelopor Rochdale. Hanya beberapa peraturan penting dan sesuai diaplikasikan dalam gerakan koperasi telah diterima pakai.
- ii. Saling berhubung kait: Prinsip koperasi saling berhubung kait antara satu sama lain dan perlu dilihat serta dibaca bersekali tanpa diabaikan salah satu daripadanya.
- iii. Unsur Dalaman dan Perhubungan Luaran: Berdasarkan kepada tujuh prinsip yang diperkenalkan, 3 prinsip yang pertama mengikut urutan adalah berkaitan dengan unsur-unsur dalaman sesebuah koperasi. Manakala baki 4 prinsip terakhir lebih menyentuh tentang operasi perhubungan luaran bagi sesebuah koperasi.

Konsep koperasi ialah sebuah organisasi yang memerlukan usaha secara sukarela oleh setiap individu dalam sesebuah kumpulan untuk mencapai sebuah matlamat (Virendra Kumar, K. G. Wankhede & H. C. Gena, 2015). Konsep koperasi juga berbeza daripada institusi kewangan yang lain. Koperasi lebih menumpukan kepada keuntungan bersama sesama anggota berbanding keuntungan individu (Nurdina Abd Rahman & Zamzuri Zakaria, 2018). Perkembangan ekonomi sesebuah negara juga dipengaruhi oleh koperasi kerana asal usul badan koperasi yang telah dilakukan oleh masyarakat sejak lama dahulu bertujuan untuk mengelakkan wujudnya jurang pendapatan yang tinggi dalam masyarakat serta meningkatkan kualiti hidup mereka. Penubuhan koperasi juga merupakan pelengkap kepada perkhidmatan yang tidak dapat disediakan kepada golongan tertentu kerana kekurangan dana atau batasan kedudukan geografi (Ramlan Kamsin, 2008).

Prinsip Koperasi

Penjelasan mengenai prinsip koperasi juga diterangkan secara terperinci oleh Idris Ismail dan Mohd Safaai Said dalam buku mereka bertajuk *Pengenalan Koperasi yang dikeluarkan ICA dan ini terdiri di atas 7 prinsip utama (Idris Ismail & Mohd Safaai Said, 2012):*

- i. **Prinsip Pertama: Keanggotaan Terbuka dan Sukarela.**
Koperasi merupakan pertubuhan yang bersifat sukarela dan terbuka kepada semua yang berupaya menggunakan perkhidmatannya dan sanggup menerima tanggungjawab-tanggungjawab keanggotaan tanpa diskriminasi jantina, sosial, politik atau agama.
- ii. **Prinsip kedua: Kawalan Demokratik Anggota**
Koperasi adalah suatu unit yang bersifat demokratik dan dikawal oleh anggotanya sendiri. Anggotanya terlibat secara langsung dalam membuat sebarang keputusan dalam koperasi.
- iii. **Prinsip ketiga: Penyertaan Ekonomi Anggota**
Anggota membuat sumbangan dan mengawal secara demokratik terhadap modal koperasi mereka. Sebahagian daripada modal tersebut kebiasaannya merupakan harta bersama koperasi. Anggota akan memperuntukkan lebih-lebih untuk aktiviti seperti membangunkan koperasi, memberi manfaat kepada anggota sejajar dengan transaksi mereka dengan koperasi dan menyokong kegiatan-kegiatan lain yang diluluskan oleh anggota.
- iv. **Prinsip keempat: Autonomi dan Kebebasan**
Koperasi adalah suatu institusi yang bersifat autonomi iaitu pertubuhan yang dikawal oleh anggotanya sendiri. Jika perjanjian dilakukan dengan pertubuhan lain, termasuk kerajaan atau mendapatkan modal daripada sumber luar, mereka melakukannya dengan syarat yang memastikan kawalan demokratik oleh anggotanya dan mengekalkan autonomi koperasi mereka.
- v. **Prinsip Kelima: Pendidikan, Latihan dan Maklumat**
Koperasi menyediakan pendidikan dan latihan untuk anggotanya, perwakilan yang dipilih, pengurus-pengurus dan kakitangan supaya mereka dapat menyumbang

terhadap pembangunan koperasi mereka. Mereka akan mendekati masyarakat untuk menyampaikan tentang keadaan dan manfaat-manfaat berkoperasi.

- vi. Prinsip Keenam: Kerjasama Antara Koperasi
Koperasi berkhidmat dengan anggotanya dengan berkesan dan mengukuhkan pergerakan koperasi dengan bekerjasama melalui struktur tempatan, kebangsaan, serantau dan antarabangsa.
- vii. Prinsip Ketujuh: Prihatin terhadap Komuniti
Koperasi berusaha mewujudkan pembangunan mapan terhadap komuniti mereka melalui dasar-dasar yang diluluskan oleh anggota mereka.

KONSEP KOPERASI MENURUT PANDANGAN SYARAK

Pada asalnya, dalam Islam tidak terdapat sebarang istilah koperasi. Namun begitu, konsep koperasi atau ta'awun diterima sebagai nilai yang baik dalam Islam selagi ia tidak bercampur dengan sebarang aktiviti yang menyalahi prinsip syariah (Shofian Ahmad, t.th). Ini bertepatan dengan firman Allah dalam surah al-Maidah (5:2):

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾

Maksudnya, “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)” (al-Quran. al-Maidah. 5: 2).

Terdapat juga Hadis Rasulullah yang menganjurkan mengenai amalan tolong menolong sesama masyarakat. Baginda bersabda:

“Seseorang itu hendaklah menolong saudaranya sama ada dia zalim atau dizalimi. Jika dia zalim dia hendaklah dihalang daripada terus melakukannya dan itu adalah pertolongan untuknya, dan jika dia dizalimi, dia hendaklah dibantu menentangnya”.

Golongan ulama berbeza pendapat dalam memberikan hujah berkaitan hukum koperasi. Terdapat golongan yang mengharuskan koperasi kerana berpendapat bahawasanya ciri-ciri koperasi berkait rapat dengan prinsip-prinsip kontrak dalam Islam seperti konsep *al-shirkah* dan juga konsep *al-mudarabah*. Ini merupakan pendapat yang dipegang oleh Sayyid Sabiq. Ini kerana beliau melihat koperasi sebagai suatu perjanjian antara dua individu di mana satu pihak menyediakan modal manakala lagi satu pihak melaksanakan usaha dan keuntungan akan dibahagikan sama rata (Sayyid Sabiq, 1981).

Manakala golongan yang mengharamkan koperasi seperti Taqi al-Din al-Nabhani (2004). Beliau menganggap organisasi koperasi merupakan organisasi yang batil dan bertentangan dengan hukum Islam kerana beliau berpegang kepada hadis al-Bukhari iaitu harta yang diperolehi secara tunai dipersilakan untuk mengambilnya manakala harta yang diperolehi secara kredit hendaklah dikembalikan. Wazin Baihaqi (2010) dalam penulisan blognya juga berpendapat bahawasanya sistem koperasi tidak bersesuaian dengan prinsip ekonomi Islam. Beberapa amalan seperti sistem bunga atas modal, pihak yang berhak menguruskan perniagaan dan pembahagian keuntungan tidak sesuai dengan muamalah Islam (Wazin Baihaqi, 2010)

Namun begitu, Muhd Mazli Muhd Aini, Salmy Edawaati Yaacob dan Ahmad Dahlan Salleh (2013) dalam kajian mereka yang berkaitan pencerakinan sejarah koperasi dan hukum pelaksanaannya lebih cenderung dalam menyokong pernyataan golongan ulama yang mengatakan koperasi adalah harus kerana konsep koperasi adalah sah di sisi Islam dengan syarat pembentukan akadnya dibuat atas dasar kerelaan, tujuannya halal dan tiada unsur-unsur yang dilarang seperti riba, penindasan serta penipuan.

Pandangan dari ahli ekonomi Malaysia seperti Uzir Abdul Malik dalam kertas kerjanya bertajuk “Perkembangan Koperasi Islam Dalam Sistem Ekonomi Islam” di Seminar Koperasi Kebangsaan, 1987, anjuran ANGKASA & Persatuan Mahasiswa Fakulti Ekonomi, UKM berpendapat bahawa badan koperasi yang menunjukkan ciri-ciri Islam itu

amat sedikit akan tetapi nilai yang diterapkan di dalam koperasi masih berpegang kepada nilai-nilai Islam. Ini berkait rapat dengan prinsip-prinsip asas Ekonomi Islam (Ab Rashid Dail, 1984) iaitu:

- i. Tauhid iaitu konsep cipta dan hakmilik mutlak kepada Allah SWT.
- ii. Konsep hakmilik individu berteraskan kepada khilafah/ Konsep khilafah / Konsep hakmilik perseorangan individu sebagai amanah/ konsep hakmilik awam.
- iii. Konsep Rububiyah dan Tazkiyah.
- iv. Amalan ekonomi yang halal.
- v. Pengharaman amalan ekonomi yang batil.
- vi. Kawalan kerajaan ke atas kegiatan ekonomi.

Menurut Dr. Shofian dalam penulisannya, beliau mengatakan bahawa sesebuah koperasi patuh syariah terdiri daripada dua aspek iaitu memastikan asas organisasi tersebut selaras dengan prinsip syariah dan menghindari segala aktiviti yang bertentangan dengan syarak.

Penulisan dalam buku bertajuk Pengenalan Koperasi (Idris Ismail & Mohd Safaai Said, 2012) menyatakan bahawa prinsip syariah dalam koperasi terdiri daripada perkara-perkara berikut:

- i. Harta atau barang menjadi milik yang sah dan sempurna kepada pembeli.
- ii. Harga atau *al-thaman* (kos + untung menjadi milik yang sah dan sempurna kepada penjual).
- iii. Penjual dan pembeli boleh menggunakan hak milik masing-masing selagi tidak bercanggah dengan ketentuan syarak
- iv. Untung ialah sebahagian daripada harga dan harga pula merupakan sebahagian daripada akad (mesti disebut dalam akad). Oleh itu, harga (kos + untung) secara automatik diiktiraf semasa akad.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Penulis membuat rujukan berdasarkan kepada data-data mengenai koperasi dalam konteks tadbir urus, produk koperasi serta perundangan yang mengawal koperasi yang sedia ada. Selan itu, garis panduan GP28 juga dirujuk untuk melihat panduan yang telah diberikan kepada institusi koperasi. Analisis dilakukan dengan melihat beberapa jurnal dan artikel yang menjalankan kajian terhadap koperasi yang sedia ada dengan membandingkan pentadbiran serta konsep koperasi yang diamalkan.

SEJARAH PERKEMBANGAN KOPERASI DI MALAYSIA

Sejarah mencatatkan bahawa konsep koperasi pada mulanya bermula pada abad yang ke-19 (Mohd Mazli Mohd Aini & Salmi Edawati Yaacob, 2013). Konsep koperasi ini bermula daripada zaman penjajahan British. Mereka mengadakan sistem koperasi untuk membantu menyelesaikan masalah hutang dalam kalangan penduduk Tanah Melayu. Apabila wujudnya Undang-Undang Koperasi yang pertama pada tahun 28 Jun 1922, maka koperasi yang pertama berasaskan kredit telah ditubuhkan dengan nama "*The Federated Malay States Posts and Telegraphs Co-Operative Thrift and Loan Society Limited*" pada 21 Julai 1922. Sepanjang 83 tahun koperasi ditubuhkan di Malaysia gerakan koperasi telah berkembang dengan baik sehinggalah terhenti apabila Jepun menjajah Tanah Melayu. Walaubagaimanapun, peristiwa itu tidak mematahkan semangat rakyat koperasi untuk membangunkan semula koperasi sehingga sekarang (Muhd Mazli Muhd Aini, Salmi Edawati Yaacob & Ahmad Dahlan Salleh, 2013).

Pada tahun 90an, seiring dengan kesedaran masyarakat berkaitan konsep kewangan Islam, maka terdirilah pelbagai koperasi yang mengamalkan prinsip-prinsip Islam seperti koperasi Belia Islam Berhad yang dipelopori oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Seterusnya pelbagai koperasi lain seperti Koperasi Muslimun pada tahun 1980, Koperasi Islah Sdn Bhd. pada tahun 1994. Koperasi-koperasi Islam ini diwujudkan

supaya dapat memberi pilihan kepada anggota-anggota Islam koperasi untuk membuat pilihan dalam membuat pelaburan bagi kewangan mereka.

Antara ciri-ciri koperasi Islam iaitu:

- i. Dasar dan objektifnya berteraskan al-Quran, Sunnah, Ijmak dan lain- lain.
- ii. Modal yang dikumpul dipersetujui oleh anggota
- iii. Terdapat persetujuan daripada anggota pentadbiran dan pengurusan koperasi serta mewakilkan anggota tertentu bagi melaksanakan aktiviti.
- iv. Pembahagian keuntungan dan tanggungan kerugian ialah berasaskan modal saham atau yuran yang disumbangkan oleh anggotanya (Idris Ismail & Mohd Safaai Said, 2012).

Oleh itu, melalui pemerhatian ini kita dapat lihat institusi koperasi telah memainkan peranan yang utama dalam pertumbuhan ekonomi di Malaysia apabila diakui menjadi ejen ketiga terpenting dalam menggerakkan ekonomi negara selepas sektor awam dan persendirian (Othman Ahmad & Abdullah, 2015). Di Malaysia, 5.9 million penduduk iaitu bersamaan 24% daripada keseluruhan populasi penduduk Malaysia merupakan ahli koperasi. Pada tahun 2009, terdapat sebanyak 5000 koperasi yang berdaftar dengan keahlian melebihi 5.2 million (Jasri Jamal & Mohd Azizie Abd Adziz, 2015).

Seiring dengan pencapaian ini, kerajaan Malaysia melancarkan Polisi Koperasi Kebangsaan 2002-2010 yang memberi penekanan kepada pengurusan yang bagus dan pembangunan modal insan, keyakinan pengguna serta keberkesanan tadbir urus. Pada bulan Mac 2010 contohnya, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan program 1 komuniti 1 koperasi bagi meningkatkan keyakinan masyarakat kepada perkembangan koperasi (Siti Yusnida Mohd Yusof, Rozita Amiruddin & Sofiah Md Auzair, 2012). Kesan yang didapati daripada polisi yang dibuat ialah koperasi di Malaysia mempunyai semangat yang tinggi untuk mengamalkan pengurusan yang baik untuk mencapai matlamat yang telah diletakkan (Siti Zahrah Salihan & Mohamat Sabri Hasan, 2017).

Penubuhan Suruhanjaya Koperasi Malaysia membuktikan keperihatinan kerajaan dalam menjana ekonomi negara bersumberkan aktiviti koperasi. Pemilikan aset oleh SKM semakin meningkat tinggi saban tahun (Mohd Mazli Mohd Aini & Salmy Edawati Yaacob, 2013). Ini disokong juga oleh kenyataan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Dr. Mohd Ramli yang menjelaskan bahawa SKM memiliki aset melebihi RM140 bilion dengan jumlah koperasi sebanyak 14,000 bersama dengan keahlian yang melebihi enam juta. Beliau menyatakan bahawa Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) meletakkan berhasrat supaya SKM dapat menyumbangkan 10 peratus kepada Keluaran alam Negara Kasar (KDNK) daripada sumbangannya yang setakat ini berada pada paras kurang daripada lima peratus (Awani, 2018). Oleh itu, berdasarkan kepada statistik dan kenyataan yang dibuat, kita dapat lihat signifikan koperasi dalam membantu pertumbuhan ekonomi negara.

KOPERASI ISLAM DI MALAYSIA

Berikut adalah latarbelakang koperari-koperasi Islam di Malaysia:

Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad

Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad (KBI) ditubuhkan pada 31 Mei 1977 dan berdaftar di bawah Akta Koperasi (1993). Penubuhan KBI dicetuskan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), sebuah gerakan Islamiyyah dengan hasrat untuk melahirkan sebuah institusi kewangan Islam. Pada ketika itu (tahun-tahun 70an) berlaku pertembungan kefahaman Islam dengan sekular, malah penerimaan Islam oleh masyarakat pada ketika itu masih ditahap rendah. Namun oleh kerana kuatnya azam dan cita-cita untuk melihat Islam menjadi satu cara hidup yang lengkap dan sempurna, maka, dengan izin Allah lahirlah KBI. KBI telah menjadikan institusi pertama di Malaysia yang memperkenalkan

produk dan instrumen kewangan yang berlandaskan syariah. KBI ditadbir berdasarkan Akta Koperasi 1993 dan undang-undang Kecil KBI. Sepanjang operasinya KBI telah mendapat anugerah daripada Kementerian Pembangunan Tanah Dan Koperasi bagi kategori "Koperasi Model" pada tahun 1985 dan "Anugerah Kualiti" pada tahun 1993 (Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad, t.th).

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA)

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) merupakan sebuah badan kemuncak koperasi di Malaysia. Kerajaan Malaysia telah mengiktiraf Angkasa sebagai badan yang mewakili koperasi-koperasi di Malaysia. ANGKASA juga berperanan untuk menyatukan semua koperasi di Malaysia termasuk menyediakan latihan dan seminar dalam hal ehwal pendidikan koperasi.

Visi dan misi utama ANGKASA ialah menjadi koperasi apeks terunggul di rantau Asean menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan itu, ANGKASA juga berhasrat untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi serta melindungi kepentingan dan memperjuangkan hak koperasi melalui pengurusan yang profesional (Mohd Ali Baharum t.th).

Mereka bertanggungjawab menyedia dan memberi perkhidmatan nasihat dan panduan berkenaan dengan hal pentadbiran, pengurusan, perakaunan, audit, undang-undang, keusahawanan, skim perlindungan sosial termasuk zakat dan wakaf, kemudahan Biro Pengaduan Awam dan lain-lain perkhidmatan untuk kepentingan koperasi ahli dan gerakan Koperasi amnya. Seterusnya, memajukan pendidikan, latihan dan penerangan ilmu koperasi, dan ilmu perniagaan, keusahawanan dan perindustrian dalam bidang yang dinyatakan dalam perenggan (o) fasal (1) undang-undang kecil 12 (Mohd Ali Baharum, t.th).

SKM juga membantu kerajaan untuk menggalakkan dan mengembangkan Gerakan Koperasi dalam Malaysia selaras dengan Dasar Koperasi Negara dan apa-apa dasar Kerajaan berhubungan dengan koperasi. Selain itu, mengambil dayausaha dan inisiatif bagi menggalakkan dan menjalankan aktiviti-aktiviti dalam bidang sosial dan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, mereka juga bertanggungjawab dalam mengadakan atau menerima dan mentadbir kumpulan wang, tabung atau skim khas atau am bagi memajukan Gerakan Koperasi. Mereka juga memainkan peranan dan menyelaras, sejauh mana yang munasabah, penjagaan alam sekitar dan berkhidmat sebagai pusat tumpuan fikiran mengenai segala perkara yang berkaitan dengan Gerakan Koperasi dan mengemukakan fikiran dan pendapat mengenai Gerakan Koperasi kepada mana-mana pihak yang berkaitan (Profil ANGKASA, t.th).

Koperasi Bank Rakyat

Amalan koperasi di Bank Rakyat adalah sedikit berbeza berbanding koperasi yang lain. Umum mengetahui, bahawa bank rakyat merupakan satu badan perbankan. Bank Rakyat ditubuhkan pada September 1954 di bawah Ordinan Koperasi 1948, berikutan perkembangan gerakan koperasi di Semenanjung Malaysia. Untuk memudahkan perkembangan gerakan koperasi, koperasi menubuhkan mereka bank kesatuan masing-masing untuk menyediakan keperluan kewangan ahli mereka. Pada 28 September 1954, 11 bank kesatuan ini memutuskan untuk menggabungkan dan membentuk Bank Agong (Apex Bank). Pada tahun 1967, Bank Kerjasama Malaysia Berhad menggantikan Bank Agong dengan keanggotaan dibuka bukan sahaja kepada koperasi, tetapi juga kepada individu.

Perubahan seterusnya dalam undang-undang kecil juga menyebabkan penciptaan syarikat-syarikat subsidiari dan membuka cawangan untuk memberi khidmat kepada pelanggan serta ahli. Pada 6 Januari 1973, bank menyaksikan perubahan nama kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad atau lebih dikenali kini sebagai Bank Rakyat (BRM) (Siti Zahrah Salihan & Mohamat Sabri Hasan, t.th). BRM ditadbir oleh undang-undang kecilnya dan Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad Akta 1978 (Peruntukan Khas

202), yang membenarkan Bank memberi pembiayaan kepada bukan ahli. Pada tahun 1989, Bank Rakyat telah diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia Pembangunan Tanah dan Koperasi dan Kementerian Kewangan. Pada tahun 1993, Akta Koperasi telah dikaji semula dan ini membolehkan Bank Rakyat beroperasi di Sabah dan Sarawak.

Pada 8 Mei 1993, BRM mengambil langkah ke arah menjadi bank patuh syariah dengan memperkenalkan produk perbankan Islam di empat cawangannya. BRM menjadi bank koperasi Islam sepenuhnya pada tahun 2002. Pada 15 Februari 2002, Bank Rakyat beserta enam institusi kewangan dan pembangunan lain, diletakkan secara langsung di bawah pengawasan Bank Negara Malaysia (Bank Negara Malaysia) di bawah Pembangunan Institusi Kewangan Akta (DFIA). Pada 27 Mac 2004, BRM diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia (Radziah Abdul Latiff, 2012).

Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad (KOPSYA ANGKASA)

Satu konvensyen mengenai hala tuju strategik ANGKASA telah diadakan rentetan daripada Mesyuarat Agung Tahunan ANGKASA pada 26 Disember 2009, di mana Pengerusi ANGKASA, Profesor Dato' Dr. Haji Mohd Ali Haji Baharum membentangkan hala tuju strategik bagi ANGKASA, dan mengumumkan hasrat untuk mewujudkan sebuah bank koperasi untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam, atau Bank Koperasi Islam - '*Islamic Cooperative Bank*' (ISCOBA/ICB). Walaubagaimanapun, terdapat isu-isu, sekatan dan perjanjian-perjanjian yang ditetapkan oleh sekuriti, kewangan dan pihak berkuasa dalam pembentukan ICB ini di samping isu "*boundary management*" dan beberapa perkara dalam rangka kerja kawal selia koperasi yang tidak menyokong pembentukan Bank Koperasi Islam ini.

Oleh itu ia memberikan cabaran besar kepada Jawatankuasa Pengemudi ANGKASA. Bagi mengatasi kebuntuan ini, KOPSYA ANGKASA telah ditubuhkan dengan menggunakan platform koperasi yang diberi mandat untuk menyediakan perniagaan perbankan Islam seperti tujuan asalnya. Walaupun pelan induk ICB yang asal telah dipertikaikan, nilai dan hasratnya masih kekal relevan. Oleh yang demikian, KOPSYA ANGKASA disokong dan disahkan secara rasmi oleh Menteri Koperasi, Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan pada 07 Julai 2011, dan pembentukan KOPSYA ANGKASA telah didaftarkan secara rasmi dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

KOPSYA ANGKASA merupakan sebuah koperasi menengah yang anggotanya terdiri daripada koperasi sahaja yang ditawarkan kepada semua jenis koperasi di Malaysia. Pembiayaan yang disediakan bukan kepada individu tetapi hanya kepada koperasi. Ini sejajar dengan matlamat asal penubuhannya. Mekanisme kontrak yang digunakan ialah kontrak berasaskan hutang seperti tawarruq, bay' salam dan bay' istisna', ekuiti seperti musharakah dan mudarabah serta musharakah mutanaqisah yang asasnya ialah perkongsian aset antara KOPSYA ANGKASA dan koperasi anggota (Mohd Ali Baharum, t.th & KOPSYA ANGKASA t.th).

Pengenalan GP28 OLEH SKM DAN KRITIKAN TERHADAPNYA

Seiring dengan kejayaan SKM yang telah berjaya meningkatkan prestasi dan nama koperasi ke persada dunia, usaha ini juga telah membawa kepada memperkukuhkan agenda patuh syariah dalam pihak koperasi. Seksyen 86b Akta Koperasi 1993 memberi ruang kepada pengenalan Garis Panduan ke 28 atau lebih dikenali sebagai GP28 (Abdul Ghafar Ismail, 2016). Pengenalan GP28 ini juga turut dilihat sebagai satu dorongan bagi pihak institusi kewangan yang lain seperti institusi Pemodalan Nasional Berhad (PNB) untuk memelopori bidang patuh syariah (Utusan Online, 2018). Ini menunjukkan bahawa GP28 sendiri merupakan sesuatu yang sangat bagus bagi institusi koperasi.

Garis panduan yang sedia ada dalam GP28 melihat aspek syariah dalam tiga perkara utama iaitu:

- i. Produk (fungsi perbankan, kredit, pembiayaan dan al-rahnu).

- ii. Jawatankuasa Syariah Koperasi.
- iii. Tadbir Urus Syariah Koperasi.

Abdul Ghafar Ismail (2016) pernah membentangkan kertas kerja berkaitan pemakaian garis panduan ini terhadap urusan pentadbiran syariah di koperasi. Beliau membahagikan komponen-komponen dalam garis panduan tersebut. Beberapa perkara utama yang dikomen dalam pembentangan tersebut adalah berkaitan tadbir urus berkaitan lembaga koperasi yang dinyatakan dalam GP28. Perkara 27 berkaitan lembaga koperasi yang tidak mempunyai mekanisme dalam melaksanakan tadbir urus syariah. Selain itu, maksud dasar juga tidak dijelaskan secara terperinci berkaitan dasar apa yang perlu diluluskan.

Abdul Ghafar Ismail (2016) juga menjelaskan bahawasanya penzahiran maklumat dalam Laporan Tahunan Kewangan Koperasi juga tidak dinyatakan bagaimana perjalanan audit yang berlaku serta tiada bentuk komunikasi jelas antara pihak Jawatankuasa Lembaga Syariah bersama pihak kakitangan dan Lembaga Koperasi. Melalui sudut pengurusan pula, terdapat beberapa kekangan dalam sumber tenaga kerja dalam melaksanakan konsep koperasi patuh syariah sepenuhnya. Program celik kewangan, penerangan berkaitan etika dan penerangan prosedur perlu diadakan bagi ahli dan juga staf koperasi supaya lebih celik berkaitan koperasi patuh syariah.

Mokhtar Shafii pula menyatakan pelaksanaan GP28 memerlukan kepada beberapa pembaharuan di beberapa peringkat iaitu peringkat pentadbiran, akaun dan pelaburan koperasi serta segala aktiviti penambahan kakitangan. Penulisan tesis oleh Asiah Alkharib Shah berdasarkan kepada temu bualnya bersama Ibrahim Husain yang membincangkan mengenai bidang kuasa SKM dalam kawalan selia al-rahnu, menyatakan bahawa tiada seksyen khusus yang membenarkan SKM untuk mengeluarkan sebarang garis panduan berkaitan al-rahnu dan ini menjadi tanda tiada justifikasi yang kuat bagi SKM mengambil penguatkuasaan ke atas koperasi dalam aspek al-rahnu. Asiah juga menyatakan dalam penulisannya bahawa GP28 dilihat sebagai satu garis panduan yang diadaptasi daripada SGF 2010 dan masih berada di peringkat pengenalan iaitu setahun daripada tarikh kuat kuasa yang diberikan.

Ini menunjukkan bahawa konsep koperasi patuh syariah tidak dapat dilaksanakan secara sepenuhnya kerana terdapat beberapa perkara yang tidak dijelaskan secara terperinci dari sudut urus tadbir, pengurusan serta produk dalam koperasi sendiri.

Norbaizurah Abdul Jabar, Razli Ramli, dan Sazali Abidin (2019) dalam penulisan mereka yang bertajuk "*Understanding the Musharakah Mutanaqisah of Koperasi Pembiayaan Syariah*" membuat kesimpulan bahawasanya perlu ada kesedaran dalam institusi koperasi sendiri berkaitan bagaimana transaksi musharakah ini perlu dijalankan dan dielakkan daripada berlakunya unsur perjudian (*maysir*). Prinsip yang dijalankan juga perlu bertepatan dengan konsep maqasid syariah agar tujuan utama koperasi dalam membantu masyarakat dapat dilaksanakan.

CADANGAN

Terdapat beberapa cadangan yang boleh dilakukan bagi menambah baik pentadbiran koperasi supaya mematuhi prinsip syariah ialah:

- i. Menilai semula tadbir urus dalam koperasi supaya lebih bersifat patuh syariah dengan menilai melalui aspek kepimpinan dan tauhid.
- ii. Meletakkan pencerahan berkaitan sumber dana sesebuah koperasi dengan memastikan dana pelaburan dilaburkan pada saluran yang halal dan tidak mempunyai sebarang keraguan. Ini supaya koperasi akan lebih bersifat terbuka dan masyarakat Islam akan lebih mengenali konsep koperasi patuh syariah.
- iii. Menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan ciri-ciri koperasi syariah dan memberi pendedahan kepada staf dan juga ahli mengenai contoh koperasi patuh syariah yang berjaya. Hal ini boleh dilakukan dengan mengadakan kursus ataupun seminar dengan menjemput ahli-ahli yang pakar dalam bidang muamalat Islam.

- iv. Menguatkan sistem undang-undang dalam institusi koperasi supaya hukuman akan dikenakan bagi koperasi yang tidak mematuhi prinsip syariah.

PENUTUP

Perkembangan industri koperasi sememangnya sesuatu yang positif dan boleh menguatkan lagi kedudukannya sebagai satu badan institusi yang memberi sumbangan yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi negara. Perkembangan institusi koperasi yang berlaku saban tahun menambahkan lagi kesedaran beberapa pihak dalam mengukuhkan institusi koperasi sebagai suatu badan kewangan yang mematuhi segala prinsip syariah.

Berdasarkan kajian di atas, terdapat beberapa penambahbaikan dan penelitian yang diperlukan di dalam panduan GP28. Penelitian dalam menghasilkan konsep koperasi patuh syariah dengan melaksanakan beberapa ciri-ciri baharu akan melahirkan koperasi-koperasi yang patuh syariah dan berjaya meletakkan institusi koperasi sebagai badan yang setanding dengan institusi perbankan negara.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Ismail. 2016. *Pemakaian Garis Panduan Skm Terhadap Tadbir Urus Syariah*. Dalam "Konvensyen Kebangsaan Koperasi Patuh Syariah (KONSIS 2016)".
- Idris Ismail & Mohd Safaai Said. 2012. *Pengenalan Koperasi*. Cheras, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Jasri Jamal & Mohd Azizie Abd Adziz. 2015. *Islamic Financial Cooperative (IFC): Another Alternative To Islamic Banking And Microfinance*. Dalam "The Proceeding Of The 6 Th International Symposium On Islam, Civilization And Science (ISICAS 2015)".
- Mohd Mazli Mohd Aini & Salmy Edawati Yaacob. 2013. *Pelaksanaan Koperasi Kredit Berteraskan Islam: Satu Kajian Di Koperasi Tentera: Satu Sorotan Literatur*. Dalam "Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2013)".
- Muhd Mazli Muhd Aini, Salmy Edawati Yaacob & Ahmad Dahlan Salleh. 2013. *Koperasi Di Malaysia: Pecerakinan Sejarah Dan Hukum Pelaksanaannya*. Isu Syariah & Undang-Undang Siri 19.
- Norbaizurah Abdul Jabar, Razli Ramli & Sazali Abidin. 2019. *Understanding The Mushārah Mutanāqishah Of Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa (Kopsya)*. SRA International Journal Of Islamic Finance.
- Nurdina Abd Rahman & Zamzuri Zakaria. 2018. *Kecekapan Pengurusan Koperasi Di Malaysia*. Journal Of Nusantara Studies. 3 (2):145-57.
- Mohd Ali Baharum. T.th. *Masalah Perumahan Negara Pendekatan Koperasi - Kopsya ANGKASA*. Kelana Jaya: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Radziah Abdul Latiff. 2012. *Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad: A Case Of A Cooperative Islamic Bank In Malaysia*. Dalam "Proceedings Of 16th International Business Research Conference".
- Sayyid Sabiq. 1981. *Fiqh Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Siti Yusnida Mohd Yusof, Rozita Amiruddin & Sofiah Md Auzair. 2012. *Sistem Kawalan Pengurusan Dan Hubungannya Dengan Prestasi Koperasi Di Malaysia: Satu Tinjauan Awal*. Persidangan Kebangsaan Penyelidikan Dan Inovasi Dalam Sistem Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional 2012 : Gerak Penyelidikan Dan Inovasi Ke Arah Memperkasakan TVET / Jabatan Politeknik KPT.
- Siti Zahrah Salihan & Mohamat Sabri Hasan. 2017. *Pengaruh Tadbir Urus Koperasi Terhadap Prestasi Koperasi Di Malaysia*. Dalam "Malaysia Indonesia International Conference On Economics Management And Accounting MIICEMA".
- Taqi Al-Din Al-Nabhani. 2004. *Al-Nizam Al-Iqtisadi Fi Al-Islam*. 6th Ed. Beirut,Lubnan: Dar Al-Ummah Li Al-Tiba'ah Wa Al-Nashr Wa Al-Tawzi'.
- Virendra Kumar, K. G. Wankhede & H. C. Genia. 2015. *Role Of Cooperatives In Improving The Livelihood Of Farmers On A Sustainable Basis*. American J. Educational Research.1258-66.

Internet

KOPSYA ANGKASA. T.th. *Sejarah Kopsya Angkasa*. <http://Kopsya.Coop/D/> (diakses pada 8 Mei 2019).

Latar Belakang Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad. <Http://Www.Kbi.Com.My/Profile.Asp?Task=Profilekbi=Hufh877938299222?=993333=?Profiles> (diakses pada 8 Mei 2019).

Profil Angkasa. <Http://Angkasa.Coop/Bm/Index.Php/Profil/Mengenai-Angkasa> (diakses pada 8 Mei 2019).

Wazin Baihaqi. 2010. *Koperasi Dalam Perspektif Islam*. wazin-mendale.blogspot.com.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.